




SPP



RINGKASAN EKSEKUTIF

**pe^{an} strategik
teknologi maklumat
2011-2015**

SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PELAJARAN

pelan strategik teknologi maklumat

Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran

Aras 1-4, Blok B3, Kompleks JPM, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62526 PUTRAJAYA, MALAYSIA
TEL.: 603-8871 7300 FAKS: 603-8871 7499 LAMAN WEB: www.spp.gov.my



SPP

RINGKASAN EKSEKUTIF

pe  **an strategik
teknologi maklumat**

2011-2015

SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PELAJARAN

Perutusan Setiausaha

SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PELAJARAN MALAYSIA

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Alhamdulillah, saya merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran Malaysia (SPP) telah berjaya menzahirkan Pelan Strategik Teknologi Maklumat (PSTM) bagi tempoh 2011 hingga 2015.

Seiring dengan kemajuan ICT yang semakin pesat dan ekspektasi pelanggan terhadap perkhidmatan kerajaan yang semakin meningkat, SPP tidak ketinggalan dalam menyahut seruan kerajaan untuk meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatannya agar lebih dinamik merentasi perubahan persekitaran dan kepesatan teknologi. Sehubungan itu, PSTM SPP 2011 – 2015 merupakan satu pelan komprehensif dan penting dalam mendokong usaha murni ini.

Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih, tahniah dan syabas kepada Pasukan Pembangunan PSTM SPP 2011 – 2015 yang telah menyumbang masa, tenaga dan idea yang bernas dalam menjayakan pembangunan dokumen ini. Setinggi-tinggi penghargaan kepada YBhg. Dato' Wan Khazanah binti Ismail, mantan Setiausaha SPP kerana menyumbangkan idea dan memberikan komitmen yang tinggi semasa proses pembangunan PSTM ini. Terima kasih diucapkan kepada Pasukan Perunding Strategik ICT MAMPU yang diketuai oleh YBhg. Dato' Dr. Zahari bin Othman kerana telah menunjuk ajar dan memudahkan cara dari awal fasa perancangan sehinggalah dokumen ini dizahirkan.

Saya berharap agar PSTM SPP 2011 – 2015 ini bukan sekadar dianggap sebagai satu dokumen tetapi sebagai satu pelan yang dapat meningkatkan perkhidmatan SPP melangkaui ekspektasi pelanggan dan selaras dengan konsep 1Malaysia yang berpaksikan prinsip “Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan”.

Sekian, terima kasih.



SULAIMAN BIN WAK



Perutusan Ketua Pegawai Maklumat

SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PELAJARAN MALAYSIA

SALAM SEJAHTERA DAN SALAM 1MALAYSIA

Terima kasih dan tahniah diucapkan kepada semua pihak yang telah menggembleng tenaga untuk menghasilkan dan menerbitkan dokumen Pelan Strategik Teknologi Maklumat Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (PSTM SPP) bagi tempoh lima tahun iaitu dari 2011 hingga 2015.

PSTM merupakan hala tuju perkhidmatan ICT untuk mencapai visi dan misi Jabatan. Teras Strategik ICT dijadikan landasan untuk merencanakan pelaksanaan program transformasi di SPP ke tahap yang lebih tinggi agar sistem penyampaian perkhidmatan menjadi lebih efisien dan efektif. Teras Strategik ICT ini juga merupakan strategi ICT peringkat tinggi yang mendokong visi dan misi ICT serta menyokong teras strategik SPP.

Teras Strategik ICT merangkumi empat teras utama iaitu Pemantapan Aplikasi Seiring Perkembangan Teknologi, Pengukuhan Prestasi Perkhidmatan dan Keselamatan ICT, Pengukuhan Komitmen Dalam Pengurusan dan Pembudayaan ICT dan Pemantapan Tadbir Urus dan Perkhidmatan ICT.

Berasaskan empat teras strategik ICT SPP, 17 inisiatif ICT dan 46 program ICT telah dikenal pasti dalam merealisasikan hala tuju ICT yang digariskan dalam PSTM SPP 2011 – 2015.

Semoga PSTM ini dapat dijadikan rujukan dan dijayakan.

Sekian, terima kasih.



CHIN WENG PENG



ISI KANDUNGAN



BIL. TAJUK

MUKASURAT

| | |
|-------------------------------------------------------------------------------------|-----|
| Perutusan Setiausaha | iii |
| Perutusan Ketua Pegawai Maklumat | iv |
| Isi kandungan | v |
| 1.0 Pengenalan | 1 |
| 2.0 Struktur dan Tadbir Urus Projek | 3 |
| 3.0 Metodologi Pembangunan | 4 |
| 4.0 Visi dan Misi SPP | 5 |
| 5.0 Kod Etika SPP | 6 |
| 6.0 Teras Strategik Fungsi Teras SPP | 7 |
| 7.0 Visi dan Misi ICT | 8 |
| 8.0 Teras Strategik ICT | 9 |
| 9.0 Penjajaran Strategik Fungsi Teras dan Strategik ICT | 10 |
| 10.0 Teras Strategik dan Inisiatif ICT | 11 |
| 11.0 Pemetaan Inisiatif ICT SPP dengan Rangka Kerja Strategik ICT Sektor Awam | 12 |
| 12.0 Inisiatif, Program ICT dan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) | 13 |
| 13.0 Pelan Pelaksanaan | 23 |
| 14.0 Penutup | 27 |





1.0 PENGENALAN

Pelan Strategik Teknologi Maklumat Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran bagi tempoh 2011 hingga 2015 (PSTM SPP 2011 – 2015) merupakan satu *blueprint* yang mengandungi garis panduan pelaksanaan projek ICT di SPP yang meliputi Ibu Pejabat di Putrajaya dan dua cawangannya iaitu Urus Setia Cawangan Sabah dan Urus Setia Cawangan Sarawak. *Blueprint* ini adalah untuk tempoh lima tahun. Objektif pembangunan PSTM SPP 2011 – 2015 adalah seperti berikut:-

- (a) menyediakan pelan atau *blueprint* yang mengandungi garis panduan pelaksanaan projek ICT yang kos efektif dan selaras dengan keutamaan keperluan pengurusan dan operasi SPP bagi tempoh 2011 hingga 2015;
- (b) menjelaskan visi, misi, hala tuju, inisiatif strategik dan rangka kerja bagi perancangan dan pembangunan ICT di SPP dengan sokongan sistem aplikasi, teknologi, pembangunan sumber manusia dan tadbir urus ICT; dan
- (c) menetapkan hala tuju ICT SPP dan menyelarkannya dengan Petunjuk Utama Prestasi (KPI) dan Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) Rancangan Malaysia Ke-10 SPP serta perkembangan semasa yang lain.





Skop projek pembangunan pula meliputi perkara-perkara berikut:-


- (a) menganalisis, menilai dan menyenaraikan peluang-peluang inisiatif ICT yang merangkumi semua aspek perkhidmatan teknologi maklumat dan komunikasi seperti infrastruktur, aplikasi dan keselamatan ICT;
- (b) keperluan implementasi ICT di SPP serta kolaborasi dengan agensi-agensi lain; dan
- (c) meneruskan usaha yang telah dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Ke-9 dan Rancangan Malaysia Ke-10 dengan pendekatan yang bersesuaian.





2.0 STRUKTUR DAN TADBIR URUS PROJEK


Struktur dan tadbir urus projek pembangunan PSTM SPP 2011 – 2015 adalah seperti dalam carta berikut:





3.0 METODOLOGI PEMBANGUNAN

Pembangunan PSTM SPP 2011 – 2015 dilaksanakan secara dalaman dengan khidmat rundingan daripada Pasukan Perunding Perancangan Strategik ICT MAMPU. Pendekatan ASF (Analisis, Strategi dan Formulasi) telah digunakan dalam menganalisis persekitaran semasa fungsi teras dan ICT serta mengkaji keperluan ICT bagi tempoh lima tahun.



Aktiviti-aktiviti utama dalam pembangunan PSTM SPP 2011 – 2015 meliputi pengumpulan maklumat, penilaian ke atas aplikasi, pangkalan data dan infrastruktur, soal selidik, bengkel dan mesyuarat.





4.0 VISI DAN MISI SPP

Visi dan Misi Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran adalah seperti berikut:

VISI

MENJADI SURUHANJAYA PERKHIDMATAN YANG TERBAIK

MISI

MEMBERI PERKHIDMATAN YANG BERKUALITI DALAM URUSAN PENGAMBILAN DAN PERKHIDMATAN BAGI ANGGOTA PERKHIDMATAN PELAJARAN





5.0 KOD ETIKA SPP

SPP bertekad dan komited untuk menjadi suruhanjaya perkhidmatan yang terbaik. Cita-cita ini akan menjadi kenyataan melalui pembangunan modal insan dan pementapan organisasi berlandaskan T.E.K.A.D. Semua pegawai bertanggungjawab membudayakan nilai-nilai murni dan amalan terbaik bagi meningkatkan prestasi SPP. Rajah di bawah menerangkan Kod Etika SPP.

T

• **Tegas, Adil dan Profesional**

- Tegas dalam melaksanakan dasar dan prinsip yang ditetapkan.
- Adil dalam memberikan perkhidmatan dan profesional dalam kerja.

E

• **Efektif dan Efisien**

- Efektif dari segi pelaksanaan.
- Efisien dalam penyampaian.

K

• **Keikhlasan dan Kesyukuran**

- Ikhlas dalam melaksanakan tanggungjawab.
- Kesyukuran dizahirkan melalui penyampaian perkhidmatan yang berkualiti.

A

• **Amanah dan Akauntabiliti**

- Amanah kepada diri dan organisasi.
- *Accountable* dalam setiap urusan.

D

• **Dinamik dan Berdisiplin**

- Dinamik dalam menghadapi perubahan.
- Disiplin dijadikan asas pegangan.





6.0 TERAS STRATEGIK FUNGSI TERAS SPP

Empat teras strategik SPP adalah seperti berikut:

1

Modal Insan (Human Capital) Berteraskan T.E.K.A.D

- Pengamalan T.E.K.A.D. ke arah pencapaian visi dan misi organisasi

2

Kecemerlangan Operasi (*Operational Excellence*) Melalui Amalan Terbaik

- Amalan terbaik yang berasaskan prestasi merangkumi gerak kerja yang mewujudkan perasaan kekitaan melalui kaedah menepati masa, berkualiti, dihayati, bersikap pro-aktif menggunakan sumber yang optimum dan mengutamakan pelanggan

3

Teknologi Sebagai Pemangkin

- Membudayakan penggunaan ICT menerusi program latihan kepada warga kerja dan pembangunan sistem pengkomputeran serta automasi

4

Stakeholders Focus

- Memastikan perkhidmatan yang disampaikan pada tahap terbaik memenuhi ekspektasi *stakeholder* melalui kerjasama strategik dalam mengukuhkan perhubungan dua hala.





7.0 VISI DAN MISI ICT

Visi dan Misi ICT SPP adalah seperti berikut:





8.0 TERAS STRATEGIK ICT

Sebanyak empat teras telah ditetapkan dalam PSTM SPP 2011 – 2015. Rajah di bawah menerangkan empat teras tersebut:


| TERAS STRATEGIK ICT | | | |
|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| TERAS 1 | TERAS 2 | TERAS 3 | TERAS 4 |
| PEMANTAPAN APLIKASI SEIRING PERKEMBANGAN TEKNOLOGI | PENGUKUHAN PRESTASI PERKHIDMATAN DAN KESELAMATAN ICT | PENGUKUHAN KOMITMEN DALAM PENGURUSAN DAN PEMBUDAYAAN ICT | PEMANTAPAN TADBIR URUS DAN PERKHIDMATAN ICT |
| <u>OBJEKTIF</u> | <u>OBJEKTIF</u> | <u>OBJEKTIF</u> | <u>OBJEKTIF</u> |
| <p>Mewujudkan sistem pengambilan dan perkhidmatan pelajaran bersepadu merentasi agensi bagi menyediakan perkhidmatan berkualiti dan berinovatif</p> <p>Mengintegrasikan aplikasi teras bagi meningkatkan perkongsian maklumat dan kualiti perkhidmatan</p> <p>Memperkuh aplikasi sokongan bagi menyokong perkhidmatan teras dan memenuhi kehendak pelanggan</p> | <p>Memantapkan infrastruktur yang berdaya menampung keperluan sistem dan ekspektasi pelanggan</p> <p>Mengukuh keselamatan ICT melalui pengoptimuman teknologi terkini</p> <p>Mengukuh operasi ICT bagi menjamin kesinambungan perkhidmatan</p> | <p>Meningkatkan kerjasama dan kesedaran warga kerja dalam pelaksanaan program ICT</p> <p>Mengoptimumkan penggunaan ICT bagi memantapkan penyampaian perkhidmatan</p> <p>Memperkuh program latihan yang komprehensif bagi meningkatkan kompetensi dan kemahiran</p> | <p>Memperkuh dasar dan jawatankuasa ICT untuk memberi nilai tambah perkhidmatan</p> <p>Memantapkan jaringan hubungan dalaman dan merekayasa proses kerja serta pengurusan ICT</p> |





9.0 PENJAJARAN STRATEGIK FUNGSI TERAS DAN STRATEGIK ICT

PSTM SPP 2011 – 2015 yang dibangunkan adalah selaras dengan usaha untuk menyokong Pelan Strategik SPP 2009 – 2015. Penjajaran strategi ICT dengan strategic fungsi teras adalah seperti berikut:





10.0 TERAS STRATEGIK DAN INISIATIF ICT

Berpandukan empat teras strategik ICT SPP, sebanyak 17 inisiatif ICT telah dikenalpasti dalam merealisasikan halatuju ICT yang telah digariskan dalam PSTM ini. Rajah di bawah menunjukkan inisiatif-inisiatif yang telah ditetapkan dalam setiap teras strategik ICT.

Teras Strategik ICT1: Pemantapan Aplikasi Seiring Perkembangan Teknologi



- Inisiatif 1** — Perekayasaan Proses Kerja
- Inisiatif 2** — Pemantapan Pelaksanaan Pelantikan dan Perkhidmatan Bersepadu
- Inisiatif 3** — Perkongsian Maklumat dengan Agensi Perkhidmatan Pelajaran
- Inisiatif 4** — Pengukuhan Portal SPP
- Inisiatif 5** — Pemantapan Aplikasi Sokongan

Teras Strategik ICT 3: Pengukuhan Komitmen dalam Pengurusan dan Pembudayaan ICT



- Inisiatif 1** — Penerapan Budaya ICT dalam Urusan Tugas Harian
- Inisiatif 2** — Pengoptimuman Penggunaan ICT
- Inisiatif 3** — Pelaksanaan Latihan Berkala ICT
- Inisiatif 4** — Pembangunan Kepakaran Dalam

Teras Strategik ICT 2: Pengukuhan Prestasi Perkhidmatan dan Keselamatan ICT



- Inisiatif 1** — Pemantapan Perkakasan dan Perisian
- Inisiatif 2** — Pemantapan Rangkaian dan Komunikasi
- Inisiatif 3** — Pemantapan Keselamatan ICT Seiring Perubahan Persekitaran dan Teknologi Terkini
- Inisiatif 4** — Pewujudan DRC dan Pelaksanaan DRP
- Inisiatif 5** — Pemantapan Operasi Pusat Data

Teras Strategik ICT 4: Pemantapan Tadbir Urus dan Perkhidmatan ICT



- Inisiatif 1** — Pengukuhan Dasar ICT
- Inisiatif 2** — Pemantapan Jawatankuasa ICT
- Inisiatif 3** — Pengukuhan Proses Kerja dan Pengurusan ICT





11.0 PEMETAAN INISIATIF ICT SPP DENGAN RANGKA KERJA STRATEGIK ICT SEKTOR AWAM

Inisiatif-inisiatif ICT yang telah dikenal pasti dalam PSTM SPP 2011 – 2015 ini turut mengambil kira garis panduan pelaksanaan ICT dalam sektor awam supaya strategi yang dirancang adalah selari dengan visi dan misi serta objektif ICT Kerajaan. Rajah di bawah menunjukkan pemetaan Inisiatif ICT SPP dengan Rangka Kerja Strategik ICT Sektor Awam.





12.0 INISIATIF, PROGRAM ICT DAN PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI)

Bagi menyokong inisiatif-inisiatif ICT SPP, 46 program ICT telah dirancang mengikut keperluan dan keutamaan selaras dengan tempoh masa dan KPI yang ditetapkan. Program ICT dirancang bagi mencapai inisiatif ICT yang telah dikenal pasti. Program ICT dan KPI adalah seperti berikut:

| PROGRAM | | KPI |
|----------------------------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| Teras Strategik ICT 1: Pematapan Aplikasi Seiring dengan Perkembangan Teknologi | | |
| Inisiatif 1: Perekayasaan Proses Kerja | | |
| 1(a) | Makmal Perekayasaan Proses Kerja Urusan Teras SPP, Perkongsian Maklumat dan Urusan Sokongan | <u>September 2012</u> <ul style="list-style-type: none"> Laporan Hasil Perekayasaan Proses Kerja Urusan Teras Laporan Hasil Perekayasaan Proses Kerja Perkongsian Maklumat Laporan Hasil Perekayasaan Proses Kerja Sokongan |
| Inisiatif 2: Pematapan Pelaksanaan Pelantikan dan Perkhidmatan Bersepadu | | |
| 2(a) | Pembangunan dan Pelaksanaan Aplikasi Pengambilan, Perkhidmatan, Rayuan dan Tatatertib Anggota Perkhidmatan Pelajaran | <u>Jun 2012</u> Aplikasi Pengambilan, Perkhidmatan, Rayuan & Tatatertib selesai dibangunkan |
| 2(b) | Pembangunan Aplikasi Pengurusan Temuduga | <u>Julai 2011</u> Sistem Temu Duga Offline selesai dibangunkan. <u>Dis 2013</u> Sistem Penjadualan Temu Duga dan Sistem Pergerakan Pengerusi & Urus Setia Temu Duga selesai dibangunkan. |





| PROGRAM | | KPI |
|-------------------------------------------------------------------------------|------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| | | <p><u>Dis 2014</u> Sistem Tempahan Pusat Temu Duga & Tiket selesai dibangunkan.</p> <p><u>Dis 2015</u> Sistem Pengesahan Profil Calon dan Kemudahan Temu Duga Maya selesai dibangunkan.</p> |
| 2(c) | Pemantapan Saluran Perkhidmatan | <p><u>September 2012</u> Perkhidmatan MySMS sedia dilaksanakan.</p> <p><u>Disember 2012</u> Perkhidmatan Atas Talian Bersepadu selesai dibangunkan.</p> |
| Inisiatif 3: Perkongsian Maklumat dengan Agensi Perkhidmatan Pelajaran | | |
| 3(a) | Penyelarasan Proses Kerja dan Maklumat | <p><u>September 2012</u> Laporan Penyelarasan Maklumat Dengan Agensi-agensi Perkhidmatan Pelajaran</p> |
| 3(b) | Pembangunan Gerbang Perkongsian Maklumat | <p><u>Disember 2012</u> Kertas Kajian Keperluan dan Rekabentuk Pangkalan Data</p> <p><u>Jun 2013</u> Pangkalan Data Berpusat SPP (Maklumat Bukan Guru) Siap Dibangunkan.</p> <p><u>Disember 2014</u> Gerbang Perkongsian Maklumat Siap Dibangunkan.</p> |





| PROGRAM | | KPI |
|-------------------------------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| Inisiatif 4: Penguksuhan Portal SPP | | |
| 4(a) | Pembangunan SPP Enterprise Portal | <u>Disember 2014</u> SPP Enterprise Portal selesai dibangunkan |
| 4(b) | Portal Mobile Application | <u>Disember 2015</u> Portal Mobile Application selesai dibangunkan |
| Inisiatif 5: Pemantapan Aplikasi Sokongan | | |
| 5(a) | SMART KM (Pengurusan Pengetahuan Pintar) | <u>Disember 2013</u> SMART KM selesai dibangunkan |
| 5(b) | SMART CRM (Pusat Perkhidmatan Pelanggan Pintar) | <u>Disember 2013</u> SMART CRM selesai dibangunkan |
| 5(c) | SMART Office | <u>Disember 2013</u> SMART Office selesai dibangunkan |
| Teras Strategik ICT 2: Penguksuhan Prestasi Perkhidmatan dan Keselamatan ICT | | |
| Inisiatif 1: Pemantapan Perkakasan dan Perisian | | |
| 1(a) | Perolehan Perkakasan dan Perisian | <u>April 2012</u> Dokumen perolehan perkakasan dan perisian serta kelulusan JPICT <u>Suku tahun kedua 2014</u> 90% perkakasan tidak melebihi 5 tahun |
| 1(b) | Penyelenggaraan dan Pelupusan Perkakasan | <ul style="list-style-type: none"> Perolehan dan pelupusan dilaksanakan sekali setiap dua tahun. 90% perkakasan berkeadaan baik dan tersedia. |





| PROGRAM | | KPI |
|---------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| Inisiatif 2: Pementapan Rangkaian dan Komunikasi | | |
| 2(a) | Migrasi IPv4 ke IPv6 | <p><u>Disember 2011</u> Fasa 1 – Mengenalpasti Infrastruktur ICT</p> <p><u>Disember 2012</u> Fasa 2 – IPv6 tersedia</p> |
| 2(b) | Penaiktarafan Sistem Komunikasi dan Pentadbiran Rangkaian | <p><u>Mac 2011</u> Mendapatkan peruntukan kewangan</p> <p><u>Jun 2011</u> Melaksanakan tender perolehan</p> <p><u>Disember 2011</u> Pelaksanaan sepenuhnya sistem e-mel</p> |
| 2(c) | Migrasi SPP*Net ke 1Gov*Net | <p><u>Januari 2012</u> 1Gov*net digunakan</p> |
| 2(d) | Pelaksanaan Sistem <i>Tele-conferencing</i> | <p><u>Jun 2011</u> <i>Proof Of Concept</i> kepada satu lokasi</p> <p><u>Januari 2012</u> Pelaksanaan penambahbaikan dan ujian <i>tele-conferencing</i> ke semua lokasi</p> <p><u>April 2012</u> Satu sesi <i>tele-conferencing</i> telah tersedia</p> |





| PROGRAM | | KPI |
|-----------------------------------------------------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| Inisiatif 3: Pemantapan Keselamatan ICT Seiring Perubahan Persekitaran dan Teknologi Terkini | | |
| 3(a) | Pengukuhan Keselamatan ICT | <p><u>Jun 2011</u> Satu Laporan HiLRA</p> <p><u>Jun 2012</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Perolehan peralatan keselamatan ICT • Pembaharuan lesen perisian disemak dan diperbaharui pada selewat-lewatnya pada bulan Disember setiap tahun <p>Dasar Keselamatan ICT disemak semula pada sekurang-kurangnya sekali setahun.</p> |
| 3(b) | <i>Security Posture Assessment</i> | <p><u>Setiap Tahun</u> Satu laporan penilaian <i>Security Posture Assessment</i> (SPA)</p> |
| 3(c) | Sistem Pengurusan Keselamatan ICT (ISMS) | <p><u>Disember 2015</u> Perancangan ke arah pensijilan MS ISO/IEC 27001:2007</p> |
| Inisiatif 4: Pewujudan Pelan Pemulihan Bencana dan Pusat Pemulihan Bencana | | |
| 4(a) | Pembangunan Pusat Pemulihan Bencana (DRC) dan Pelan Pemulihan Bencana (DRP) | <p><u>Disember 2013</u> Pewujudan DRC dan DRP</p> |
| 4(b) | Simulasi Pelaksanaan Pelan Pemulihan Bencana | <p><u>Setiap Tahun</u> Pengujian pelan kesinambungan bencana (DRC) sekurang-kurangnya setahun sekali.</p> |
| Inisiatif 5: Pemantapan Operasi Pusat Data | | |
| 5(a) | Penaiktarafan Storan Berpusat | <p><u>Suku Ketiga 2013</u> Peningkatan storan berpusat</p> |





| PROGRAM | | KPI |
|----------------------------------------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 5(b) | Penyusunan Semula dan Pemantapan Pusat Data | <u>Disember 2012</u> Pusat data yang kemas dan bersistematik |
| 5(c) | Pemantauan Kesiapsiagaan Pusat Data | <u>Januari 2014</u> <ul style="list-style-type: none"> • 90% kesiapsiagaan pusat data • Perolehan peralatan pemantauan pusat data pada Suku Ketiga 2014 |
| 5(d) | Kajian Keberkesanan Operasi Pusat Data | <u>Disember 2015</u> Satu laporan kajian keberkesanan operasi pusat data |
| Teras Strategik ICT 3: Pengukuhan Komitmen dalam Pengurusan dan Pembudayaan ICT | | |
| Inisiatif 1: Penerapan Budaya ICT dalam Urusan Tugas Harian | | |
| 1(a) | Pelaksanaan Program Peningkatan Kesedaran ICT <ul style="list-style-type: none"> • Kempen Minggu ICT • Ceramah ICT • Seminar ICT • Pertandingan Berasaskan ICT • Slot Perkongsian Maklumat Teknologi Terkini | <ul style="list-style-type: none"> • Sekurang-kurangnya tiga kali penganjuran program peningkatan kesedaran ICT dalam setahun • Laporan Tahunan yang dikeluarkan setiap bulan Januari |
| 1(b) | Penerapan Kesedaran Mengenai Perkongsian Maklumat Berteraskan ICT | <u>Setiap Enam Bulan</u> Setiap enam bulan sekali bahagian perlu menyumbang bahan untuk paparan bagi perkongsian maklumat |
| 1(c) | Pewujudan <i>Platform</i> Komunikasi antara Warga SPP | <u>Sebulan Sekali</u> Satu topik perbincangan/artikel yang dikongsi dalam forum/ intranet dalam sebulan <u>Setahun Sekali</u> 10% daripada jumlah kakitangan SPP menyumbang dalam perkongsian maklumat dalam masa setahun |





| PROGRAM | | KPI |
|-------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 1(d) | Penerapan Mengenai Dasar ICT Jabatan | <u>Setahun Sekali</u> <ul style="list-style-type: none"> Minimum satu sesi hebahan berkenaan dasar ICT terkini dalam masa setahun Sekurang-kurangnya satu kali pemantauan pematuhan dijalankan dalam masa setahun |
| Inisiatif 2: Pengoptimuman Penggunaan ICT | | |
| 2(a) | Program Kepenggunaan ICT | Satu statistik laporan bulanan dijanakan bagi pemantauan penggunaan ICT |
| 2(b) | ICT <i>Wall of Fame</i> | Sekurang-kurangnya dua orang warga SPP mendapat insentif/ganjaran dalam setahun |
| Inisiatif 3: Pelaksanaan Latihan ICT Sepanjang Tahun | | |
| 3(a) | Pembangunan Pelan Latihan ICT | <u>Oktober Setiap Tahun</u> Satu dokumen Pelan Latihan ICT SPP bagi tahun berikutnya |
| 3(b) | Latihan Berasaskan Kemahiran ICT | <ul style="list-style-type: none"> Sekurang-kurangnya lima kursus berkaitan kemahiran ICT dilaksanakan |
| Inisiatif 4: Pembangunan Kepakaran Dalam | | |
| 4(a) | Pembangunan Kepakaran Dalam Secara <i>Outbound</i> | <ul style="list-style-type: none"> Sekurang-kurangnya dua sesi <i>Transfer of Technologies</i> dilaksanakan dalam setahun Sekurang-kurangnya satu sesi <i>Training of Trainers</i> dilaksanakan dalam setahun |
| 4(b) | Pembangunan Kepakaran Dalam Secara <i>Inbound</i> | <ul style="list-style-type: none"> Sekurang-kurangnya dua sesi <i>Transfer of Technologies</i> dilaksanakan dalam setahun Sekurang-kurangnya satu program mentor-mentee dijalankan dalam setahun Sekurang-kurangnya satu sesi <i>Training of Trainers</i> dilaksanakan dalam setahun |





| PROGRAM | | KPI |
|--------------------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| Teras Strategik ICT 4: Pemantapan Tadbir Urus dan Perkhidmatan ICT | | |
| Insiatif 1: Pengukuhan Dasar ICT | | |
| 1(a) | Penyediaan Prosedur Pembangunan Aplikasi | <u>September 2011</u> Satu dokumen prosedur pembangunan aplikasi |
| 1(b) | Semakan Semula Dasar Keselamatan ICT | <u>September 2011</u> Satu dokumen dasar keselamatan ICT yang dikemas kini |
| 1(c) | Penyediaan SOP | <u>Oktober 2011</u> Dua dokumen SOP Keselamatan Data dan Penyenggaraan Pusat Data yang diluluskan <u>November 2011</u> Satu dokumen SOP Rangkaian dan Komunikasi ICT yang diluluskan <u>Disember 2011</u> Dua dokumen SOP Penyenggaraan Aplikasi dan Penyenggaraan Portal yang diluluskan <u>Januari 2012</u> Dua dokumen SOP Penyenggaraan Pangkalan Data dan Pergerakan Aset ICT yang diluluskan |
| 1(d) | Penyediaan Garis Panduan Penggunaan e-Mel dan Internet | <u>Februari 2012</u> Satu dokumen garis panduan tatacara penggunaan e-mel yang diluluskan <u>Mac 2012</u> Satu dokumen garis panduan tatacara penggunaan internet yang diluluskan |





| PROGRAM | | KPI |
|-------------------------------------------------|---------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| | Semakan Semula Manual Prosedur Pengguna | <p><u>April 2012</u> Satu dokumen Manual Prosedur Pengguna SMPPP yang diluluskan</p> <p><u>Mei 2012</u> Satu dokumen manual pengguna SMAKS yang diluluskan</p> <p><u>Jun 2012</u> Satu dokumen manual pengguna e-permohonan yang diluluskan</p> <p><u>Julai 2012</u> Satu dokumen manual pengguna SCAF yang diluluskan</p> <p><u>Ogos 2012</u> Satu dokumen manual pengguna Semakan Status <i>Online</i> yang diluluskan</p> |
| 1(f) | Pelan Pemulihan Bencana | <p><u>Disember 2012</u> Satu dokumen DRP yang diluluskan</p> |
| Inisiatif 2: Pementapan Jawatankuasa ICT | | |
| 2(a) | Penubuhan Jawatankuasa Kerja Pembangunan Aplikasi | <p><u>Februari 2012</u> (i) Penubuhan jawatankuasa kerja pembangunan aplikasi (ii) Surat pelantikan keahlian jawatankuasa (iii) Laporan aktiviti jawatankuasa kerja disediakan</p> |
| 2(b) | Penilaian Semula JPICT | <p><u>April 2012</u> Satu dokumen terma rujukan yang dikemas kini lulus</p> |





| PROGRAM | | KPI |
|----------------------------------------------------------------|------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| Inisiatif 3: Pengukuhan Proses Kerja dan Pengurusan ICT | | |
| 3(a) | Penyusunan Semula Bahagian Pengurusan Maklumat | <u>Jun 2012</u> Satu carta BPM yang diluluskan |
| 3(b) | Kajian Impak Keberkesanan Pelaksanaan Aplikasi | <u>Disember 2012</u> Satu laporan hasil kajian impak keberkesanan pelaksanaan aplikasi di SPP <u>Disember 2014</u> Satu laporan hasil kajian impak keberkesanan pelaksanaan aplikasi di SPP |





13.0 PELAN PELAKSANAAN

Perancangan pelaksanaan program-program ICT dalam PSTM SPP telah disusun berdasarkan keutamaan dari tahun 2011 hingga 2015. Penerangan pelaksanaan program-program tersebut adalah seperti berikut:

(a) Teras Strategik ICT 1


| PROGRAM | 2011 | | | | 2012 | | | | 2013 | | | | 2014 | | | | 2015 | | | |
|--------------------|------|---|---|---|------|---|---|---|------|---|---|---|------|---|---|---|------|---|---|---|
| | 1 | 2 | 3 | 4 | 1 | 2 | 3 | 4 | 1 | 2 | 3 | 4 | 1 | 2 | 3 | 4 | 1 | 2 | 3 | 4 |
| Inisiatif 1 | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| 1(a) | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| Inisiatif 2 | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| 2(a) | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| 2(b) | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| 2(c) | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| Inisiatif 3 | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| 3(a) | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| 3(b) | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| Inisiatif 4 | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| 4(a) | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| 4(b) | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| Inisiatif 5 | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| 5(a) | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| 5(b) | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| 5(c) | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |





(b) Teras Strategik ICT 2


| PROGRAM | | 2011 | | | | 2012 | | | | 2013 | | | | 2014 | | | | 2015 | | | | |
|--------------------|-----------------------------------------------------------------|------|---|---|---|------|---|---|---|------|---|---|---|------|---|---|---|------|---|---|---|--|
| | | 1 | 2 | 3 | 4 | 1 | 2 | 3 | 4 | 1 | 2 | 3 | 4 | 1 | 2 | 3 | 4 | 1 | 2 | 3 | 4 | |
| Inisiatif 1 | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| 1(a) | Perolehan Perkakasan dan Perisian | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| 1(b) | Penyelenggaraan dan Pelupusan Perkakasan | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| Inisiatif 2 | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| 2(a) | Migrasi IPv4 ke IPv6 | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| 2(b) | Penaiktarafan Sistem Komunikasi dan Pentadbiran Rangkaian | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| 2(c) | Migrasi SPP*Net ke 1Gov*Net | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| 2(d) | Pelaksanaan Sistem <i>Tele-conferencing</i> | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| Inisiatif 3 | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| 3(a) | Pengukuhan Keselamatan ICT | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| 3(b) | Security Posture Assessment | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| 3(c) | Sistem Pengurusan Keselamatan ICT | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| Inisiatif 4 | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| 4(a) | Pembangunan Pusat Pemulihan Bencana dan Pelan Pemulihan Bencana | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| 4(b) | Simulasi Pelaksanaan Pelan Pemulihan Bencana | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| Inisiatif 5 | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| 5(a) | Penaiktarafan Storan Berpusat | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| 5(b) | Penyusunan Semula dan Pemantapan Pusat Data | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| 5(c) | Pemantauan Kesiapsiagaan Pusat Data | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| 5(d) | Kajian Keberkesanan Operasi Pusat Data | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |





(c) Teras Strategik ICT 3

| PROGRAM | | 2011 | | | | 2012 | | | | 2013 | | | | 2014 | | | | 2015 | | | | |
|--------------------|---------------------------------------------------------|------|---|---|---|------|---|---|---|------|---|---|---|------|---|---|---|------|---|---|---|--|
| | | 1 | 2 | 3 | 4 | 1 | 2 | 3 | 4 | 1 | 2 | 3 | 4 | 1 | 2 | 3 | 4 | 1 | 2 | 3 | 4 | |
| Inisiatif 1 | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| 1(a) | Pelaksanaan Program Peningkatan Kesedaran ICT | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| 1(b) | Penerapan Kesedaran Perkongsian Maklumat Berasaskan ICT | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| 1(c) | Pewujudan Platform (Forum/Intranet) antara Warga SPP | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| 1(d) | Penerapan Dasar ICT Jabatan | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| Inisiatif 2 | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| 2(a) | Program kepenggunaan ICT | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| 2(c) | ICT Wall of Fame | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| Inisiatif 3 | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| 3(a) | Pembangunan Pelan Latihan ICT | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| 3(b) | Latihan Berasaskan Kemahiran ICT | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| Inisiatif 4 | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| 4(a) | Pembangunan Kepakaran Dalam Secara <i>Outbound</i> | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| 4(b) | Pembangunan Kepakaran Dalam Secara <i>Inbound</i> | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |





(d) Teras Strategik ICT 4

| PROGRAM | 2011 | | | | 2012 | | | | 2013 | | | | 2014 | | | | 2015 | | | |
|--------------------|------|---|---|---|------|---|---|---|------|---|---|---|------|---|---|---|------|---|---|---|
| | 1 | 2 | 3 | 4 | 1 | 2 | 3 | 4 | 1 | 2 | 3 | 4 | 1 | 2 | 3 | 4 | 1 | 2 | 3 | 4 |
| Inisiatif 1 | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| 1(a) | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| 1(b) | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| 1(c) | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| 1(d) | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| 1(e) | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| 1(f) | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| Inisiatif 2 | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| 2(a) | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| 2(b) | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| Inisiatif 3 | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| 3(a) | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| 3(b) | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |



14.0 PENUTUP



PSTM 2011 – 2015 SPP adalah merupakan satu dokumen blueprint bagi SPP untuk membangun dan mengoptimumkan penggunaan ICT dalam mencapai hala tuju dan objektif strategiknya. PSTM ini hendaklah dipantau dari semasa ke semasa dan dikaji semula bagi memastikan ICT akan terus menjadi pemangkin kepada SPP dalam meningkatkan mutu perkhidmatan kepada pelanggannya.





DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD
KUALA LUMPUR, 2011
www.printnasiona.com.my
email: cservice@printnasiona.com.my
Tel.: 03-92366895 Faks: 03-92224773
JD001480

